

Kerancuan Bahasa dalam Filem *Zim Zim Ala Kazim*

*Khazri Osman

khazri@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhamad Faisal Ashaari

faisal@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Wakidul Kohar

wakidulkohar@uinib.ac.id

UIN Imam Bonjol, Indonesia

Rabiatul Farzanah Zabidi

p153495@siswa.ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Nur Aqilah Mohd Akhir

nuraqilah3899@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dalili Mohamad Sabri

dalilisabri85@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

**Corresponding Author*

ABSTRAK

Kerancuan bahasa yang semakin berleluasa kian menggugat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Media elektronik yang semakin canggih seperti televisyen sering menyiarkan filem-filem di Malaysia yang menggunakan bahasa kerancuan. Fenomena ini secara perlahan menghakis fungsi dan kepentingan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada filem *Zim-Zim Ala Kazim* yang dipilih sebagai bahan kajian kerana penggunaan bahasa dalam loghat masyarakat Malaysia yang berbilang budaya menggambarkan realiti. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep kerancuan bahasa serta mengkaji bentuk-bentuk kerancuan bahasa yang terdapat dalam dialog filem ini berdasarkan teori Teo Kok Seong. Penelitian dilakukan terhadap data yang diperoleh daripada dialog dalam filem yang kemudiannya dikategorikan mengikut fenomena kerancuan bahasa yang dominan untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kerancuan bahasa yang disebabkan oleh percampuran kod dan penggunaan slanga dalam filem *Zim Zim Ala Kazim*. Kerancuan bahasa ini melibatkan pencampuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta penggunaan bahasa yang tunggang-langgan sebagai gaya bahasa yang moden. Situasi ini menunjukkan bagaimana filem dapat menjadi faktor yang menyumbang kepada penghakisan keaslian bahasa Melayu. Namun begitu, bolehlah dianggap bahawa kerancuan bahasa dalam filem berunsur keagamaan ini dianggap sebagai satu bahasa

fesyen yang unik untuk menarik perhatian penonton.

Kata kunci: Kerancuan bahasa; filem, percampuran kod; slanga; *Zim Zim Ala Kazim*.

Language Confusion in the movie *Zim Zim Ala Kazim*

ABSTRACT

The increasing prevalence of language confusion is gradually undermining the position of the Malay language as the national language. Advanced electronic media, such as television, often broadcast films in Malaysia that feature mixed or confused language usage. This phenomenon slowly erodes the function and significance of the Malay language in society. This study focuses specifically on the film *Zim-Zim Ala Kazim*, which was selected as the subject of research because its use of language in the dialects of Malaysia's multicultural society reflects reality. The objective of this study is to explain the concept of language confusion and to examine the forms of such confusion found in the film's dialogues, based on Teo Kok Seong's theory. The research was conducted by analyzing data obtained from the film's dialogues, which were then categorized according to the dominant phenomena of language confusion for further analysis. The findings indicate that language confusion in *Zim Zim Ala Kazim* is caused by code-switching and the use of slang. This includes the mixing of Malay and English, as well as the use of disordered or non-standard language as a form of modern expression. This situation demonstrates how films can be a factor contributing to the erosion of the authenticity of the Malay language. However, the researcher argues that in the case of this religious-themed film, such language confusion can be regarded as a unique linguistic style intended to capture the audience's attention.

Keywords: Language confusion; film; code-switching; slang; *Zim Zim Ala Kazim*.

PENGENALAN

Percampuran kod merujuk penggunaan dua bahasa atau lebih dalam satu ujaran atau penulisan yang sama, sama ada secara sedar atau tidak sedar (Abdul Rashid & Amat Juhari, 2010). Fenomena ini lazim berlaku dalam masyarakat dwibahasa seperti Malaysia yang memperlihatkan kewujudan bahasa Melayu bersama bahasa Inggeris serta pelbagai dialek tempatan. Dalam konteks sosiolinguistik, percampuran kod bukan sahaja berkaitan dengan kecekapan linguistik penutur, malah turut mencerminkan identiti sosial, strategi komunikasi dan fungsi bahasa dalam situasi tertentu (Woon, 2007; Hamers & Blanc, 2000). Seiring dengan perkembangan globalisasi, penggunaan bahasa Inggeris semakin meluas dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, teknologi dan media massa. Walaupun bahasa Melayu kekal sebagai bahasa kebangsaan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Bahasa Kebangsaan 1967, pengaruh bahasa asing dalam komunikasi harian semakin ketara (Asmah Haji Omar, 1985; Hashim Hj. Musa, 2004). Keadaan ini mendorong berlakunya percampuran kod dalam pelbagai konteks penggunaan bahasa.

Dalam konteks media massa, filem berperanan sebagai medium yang bukan sahaja menyampaikan hiburan, tetapi juga membentuk penggunaan dan persepsi bahasa dalam kalangan masyarakat (Liebes & Curran, 1998). Penggunaan percampuran kod dalam dialog filem semakin ketara, sama ada bagi tujuan realisme, ekspresi emosi atau kesesuaian dengan latar sosial watak. Namun demikian, keadaan ini boleh menimbulkan kekeliruan makna serta

mempengaruhi kecenderungan penonton terhadap penggunaan bahasa. Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa percampuran kod boleh memberikan kesan terhadap penguasaan bahasa Melayu. Muhammad Alee Song et al. (2023), misalnya, mendapati bahawa percampuran kod dalam kalangan pelajar Cina berkait dengan kesalahan tatabahasa dalam penulisan dan pertuturan. Selain itu, Faridah Nazir et al. (2022) menunjukkan bahawa kerancuan bahasa dalam dialog filem melibatkan pemilihan kosa kata dan struktur ayat yang tidak mematuhi piawaian bahasa. Dapatan kajian ini memberikan gambaran bahawa pendedahan terhadap percampuran kod, sama ada melalui pendidikan atau media, boleh mempengaruhi penggunaan bahasa dalam masyarakat.

Biarpun kajian berkaitan percampuran kod telah dijalankan dalam pelbagai konteks seperti media sosial, pendidikan dan filem aksi (Julaina Nopiah & Nur Athirah Abd. Razak, 2025; Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Audra Dayana Dahlan, 2018), kajian yang memfokuskan kepada genre filem komedi masih terhad. Genre ini lazimnya memberikan ruang penggunaan bahasa yang lebih santai dan fleksibel, sekali gus berpotensi memaparkan bentuk percampuran kod yang pelbagai. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis percampuran kod dalam filem *Zim Zim Ala Kazim* dengan menumpukan terhadap bentuk dan faktor penggunaannya, di samping membincangkan implikasinya terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam media arus perdana.

Oleh itu, kajian ini mengkaji penggunaan percampuran kod dalam filem *Zim Zim Ala Kazim*. Tumpuan diberikan kepada bentuk dan faktor penggunaannya. Kajian ini juga melihat bagaimana fenomena tersebut mencerminkan amalan bahasa dalam kalangan masyarakat serta implikasinya terhadap kefahaman dan penggunaan bahasa Melayu dalam konteks media. Sehubungan dengan itu, juga, kajian ini cuba menjawab persoalan perihal bentuk kerancuan bahasa yang wujud dalam dialog filem tersebut, faktor yang mendorong penggunaannya, serta kesannya terhadap penggunaan bahasa Melayu.

KAJIAN LITERATUR

Teo Kok Seong (2006) menjelaskan bahawa kerancuan bahasa Melayu telah lama wujud dalam tiga aspek utama. Pertama, ketidakpatuhan terhadap pembakuan bahasa Melayu yang merangkumi kesalahan ejaan dan pelanggaran unsur tatabahasa. Kedua, percampuran bahasa, khususnya dengan bahasa Inggeris, yang berlaku pada peringkat perkataan, frasa, ayat dan wacana. Ketiga, penggantian bahasa Melayu dalam ranah rasmi, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya, dengan penggunaan bahasa Inggeris. Kekeliruan bahasa dalam pengecaman pertuturan yang melibatkan penukaran kod berlaku kerana terdapat persamaan bunyi dan struktur ayat antara bahasa yang digunakan. Persamaan ini menyukarkan sistem pengecaman pertuturan automatik untuk menentukan bahasa yang tepat, menyebabkan bahasa yang dikenal pasti menjadi kabur atau tidak jelas.

Kerancuan bahasa dalam penulisan pelajar, khususnya di kawasan luar bandar, kekal menjadi isu dalam pendidikan bahasa Melayu. Kajian di daerah Tuaran, Sabah terhadap 70 karangan murid tingkatan empat mendapati 55 karangan mengandungi percampuran bahasa, sama ada bahasa dalaman atau bahasa Inggeris, dengan 28 karangan menunjukkan kedua-duanya sekali. Faktor utama dikenal pasti ialah keterbiasaan menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian serta kekurangan pengetahuan padanan kata dalam bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan kelemahan penguasaan bahasa Melayu standard yang memerlukan strategi pengajaran lebih berkesan bagi meningkatkan kemahiran penulisan karangan pelajar (Anne Jeffrey Kihob et al., 2022).

Kerancuan bahasa berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam bidang

pengiklanan, pemilihan leksikal memainkan peranan yang penting kerana objektif utama iklan ialah menyampaikan maklumat secara jelas serta meninggalkan impak yang kuat kepada khalayak. Dengan cara ini, kecenderungan pembelian dapat ditingkatkan. Ungkapan seperti *'cepat, pantas dan flawless'* telah menjadi satu kebiasaan dalam wacana iklan masa kini (Nurul Aishah et al., 2018).

Dalam kajian terkini, Julaina Nopiah dan Nur Athirah Abd. Razak (2025) meneliti fenomena percampuran kod bahasa Melayu–Inggeris dalam kandungan video masakan di platform TikTok dan berdasarkan kerangka fungsi percampuran kod oleh K. Kanthimathi (2007), mengenal pasti tiga fungsi utama, iaitu fungsi sikap, fungsi ekspresif dan fungsi arahan. Fungsi sikap melibatkan penggunaan frasa sapaan atau kata hubung bahasa Inggeris seperti *"Hello hello welcome back"* atau *"so"* untuk mewujudkan kesan mesra dan moden, manakala fungsi ekspresif merujuk kepada penggunaan istilah Inggeris bagi menyampaikan emosi atau kreativiti dengan lebih berkesan, contohnya *"here come the best part"* atau *"golden brown"*. Fungsi arahan pula melibatkan penggunaan frasa ringkas seperti *"make sure"* atau *"adjust"* bagi menyampaikan arahan secara pantas dan jelas. Kajian ini menegaskan bahawa percampuran kod dalam media sosial bukan sekadar berpunca daripada sikap atau trend komunikasi, tetapi turut dipengaruhi faktor pragmatik seperti keperluan ekspresif, kejelasan mesej dan keberkesanan penyampaian, di samping kekurangan padanan kata tepat dalam bahasa Melayu yang mendorong penutur memilih istilah bahasa Inggeris sebagai strategi komunikasi.

Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Nor Audra Dayana Dahlan (2018) menjalankan kajian kualitatif terhadap fenomena percampuran kod dalam filem *J Revolusi*, dengan menganalisis 161 penggunaan percampuran kod bahasa luaran dan 35 penggunaan percampuran kod bahasa dalaman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sosial penutur memainkan peranan penting dalam menentukan bentuk percampuran kod yang digunakan. Faktor sosial ini meliputi latar belakang pendidikan, pendedahan kepada bahasa asing dan persekitaran tempat tinggal. Penutur yang mempunyai pendedahan tinggi terhadap bahasa asing, seperti melalui pendidikan formal, tontonan filem atau pendengaran lagu, lebih cenderung menggunakan percampuran kod bahasa luaran (contohnya bahasa Inggeris, Mandarin atau Tamil). Sebaliknya, penutur dari kawasan luar bandar lebih cenderung menggunakan percampuran kod bahasa dalaman, yang melibatkan dialek negeri seperti Kelantan, Pahang atau Negeri Sembilan. Kajian ini turut menekankan bahawa walaupun percampuran kod sering dikaitkan dengan situasi tidak formal, fenomena ini juga boleh berlaku dalam konteks formal, yang berpotensi mempengaruhi persepsi profesionalisme penutur. Pengkaji menegaskan bahawa penggunaan bahasa yang sesuai mengikut konteks adalah penting untuk menjaga imej peribadi dan maruah bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Walaupun percampuran kod bahasa dalaman masih mencerminkan identiti budaya Melayu, percampuran kod bahasa luaran yang berlebihan boleh menjejaskan usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. Sehubungan itu, kajian ini menyeru agar penggiat seni dan pihak berwajib memandang serius isu percampuran kod dalam industri perfileman agar ia tidak menjadi faktor yang melemahkan kedudukan bahasa Melayu di Malaysia.

Kerancuan bahasa dalam filem juga telah dikaji dengan menumpukan kepada analisis dialog yang dituturkan oleh para pelakon. Kajian ini meneliti kosa kata dan ragam ayat yang digunakan serta menilai tahap kerancuan bahasa berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati wujud kerancuan bahasa, terutamanya dalam aspek pemilihan kosa kata dan penggunaan ragam ayat yang tidak mematuhi piawaian. Dapatan ini menunjukkan bahawa penutur kurang mampu menggunakan bahasa yang betul dalam perbualan (Faridah Nazir et al., 2022).

Berdasarkan sorotan literatur ini dapat dirumuskan bahawa penyelidikan terdahulu telah meneliti fenomena percampuran kod dalam konteks media sosial dan filem aksi, dengan tumpuan kepada fungsi bahasa, iaitu sikap, ekspresif dan arahan serta faktor sosial penutur seperti pendidikan, pendedahan bahasa dan latar geografi. Namun, kajian dalam genre filem komedi masih terhad, meskipun genre ini cenderung memberikan ruang kebebasan linguistik yang lebih luas, sekali gus berpotensi memaparkan kerancuan bahasa secara lebih ketara dan pelbagai.

Sehubungan itu, kajian *Kerancuan Bahasa dalam Filem Zim Zim Ala Kazim* dikaji dengan tujuan mengisi jurang ini dengan meneliti bagaimana percampuran kod, penggunaan dialek dan bahasa tidak baku dimanifestasikan dalam dialog filem komedi serta implikasinya terhadap persepsi penonton terhadap martabat bahasa Melayu. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas domain kajian percampuran kod kepada genre yang kurang diterokai, tetapi juga memberi sumbangan baharu dalam memahami hubungan antara kerancuan bahasa, konteks hiburan dan usaha pemeliharaan bahasa kebangsaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan bagi meneliti fenomena kerancuan bahasa dalam dialog filem *Zim Zim Ala Kazim*. Melalui kaedah ini, data dapat dihuraikan secara sistematik dengan mengambil kira faktor linguistik dan sosiolinguistik yang mempengaruhi ujaran (Merriam, 2009). Sumber data kajian terdiri daripada dialog filem seram komedi tempatan *Zim Zim Ala Kazim*, yang dipilih secara *purposive* berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu (1) Mengandungi tema keagamaan yang berkait rapat dengan budaya tempatan. (2) Memaparkan kepelbagaian dialek dan loghat masyarakat Malaysia. (3) Memperlihatkan fenomena kerancuan bahasa, termasuk percampuran kod dan penggunaan slanga.

Data dikumpulkan melalui penontoran berulang terhadap filem terpilih. Setiap dialog yang menunjukkan kerancuan bahasa direkodkan dan dimasukkan ke dalam senarai semak kod data. Langkah ini bertujuan memastikan ketekalan pemerhatian dan mengelakkan kehilangan maklumat penting (Krippendorff, 2019). Bagi menganalisis data, kajian ini mengadaptasi kerangka klasifikasi yang berpandukan Teo Kok Seong. Kerangka ini membahagikan kerancuan bahasa kepada tiga kategori utama, iaitu kerancuan jenis tempelan, kerancuan dalam ayat dan kerancuan dalam perkataan. Setiap dialog yang mengandungi kerancuan bahasa kemudiannya dikategorikan mengikut kerangka ini untuk dianalisis secara terperinci.

a) Kerancuan jenis tempelan berlaku apabila penutur menyisipkan satu atau beberapa perkataan daripada bahasa lain ke dalam ayat bahasa Melayu. Fenomena ini sering berlaku tanpa pengubahsuaian bentuk kata asal, seolah-olah perkataan tersebut sebatih dalam wacana harian. Sebagai contoh, penggunaan kata ganti nama diri seperti *ana* dan *ente* dalam dialog bahasa Melayu menunjukkan pengaruh bahasa Arab yang diserap secara langsung ke dalam ujaran.

b) Kerancuan dalam ayat pula merujuk kepada peralihan bahasa secara separa dalam sesuatu ayat, iaitu penutur menukar frasa atau klausa daripada satu bahasa ke bahasa lain dalam ujaran yang sama. Peralihan ini lazimnya berlaku secara spontan, misalnya dalam frasa *check akaun* atau *masih ada period*, di mana unsur bahasa Inggeris digabungkan dengan struktur ayat bahasa Melayu tanpa penyesuaian penuh.

c) Kerancuan dalam perkataan menggambarkan penggabungan unsur bahasa asing dengan imbuhan bahasa Melayu, menghasilkan bentuk kata hibrid. Contoh yang jelas ialah perkataan *mission-nya*, di mana kata dasar bahasa Inggeris *mission* digabungkan dengan akhiran bahasa

Melayu *-nya*. Bentuk ini mencerminkan tahap kreativiti linguistik penutur, namun pada masa yang sama menunjukkan pencairan sempadan antara bahasa yang berbeza.

Dialog yang dianalisis dipilih kerana mengandungi kerancuan bahasa yang jelas, termasuk penggunaan perkataan Inggeris seperti *period*, *check* dan *show* serta slanga seperti *masyuk* dan *aiya*. Ungkapan ini menggambarkan gabungan unsur tempatan dan pengaruh luar. Kajian memberi tumpuan kepada dua aspek utama, iaitu percampuran kod dan penggunaan slanga. Analisis dijalankan dari sudut linguistik, pragmatik dan sosiobudaya, termasuk faktor yang mendorong penutur menggunakannya dan kesannya terhadap perkembangan bahasa Melayu. Sebagai contoh, penggunaan *period* menunjukkan kecenderungan memilih bentuk ringkas berbanding menggunakan padanan bahasa Melayu “datang bulan”.

Pendekatan ini membolehkan analisis kerancuan bahasa dilakukan secara sistematik dan terperinci, di samping memberikan gambaran holistik tentang bentuk, kekerapan dan fungsi fenomena tersebut dalam konteks filem *Zim Zim Ala Kazim* serta memperkukuh pemahaman tentang kepelbagaian bahasa Melayu kontemporari dalam media popular.

Sinopsis *Zim Zim Ala Kazim*

Zim Zim Ala Kazim sebuah filem seram komedi tempatan yang menggabungkan unsur mistik, penyiasatan paranormal dan pengajaran berteraskan nilai agama. Filem ini mengisahkan empat orang sahabat yang berlainan bangsa secara tidak sengaja terlibat dalam pengalaman ghaib selepas meneroka sebuah rumah usang. Akibatnya mereka mendapat gangguan setelah dikatakan melanggar ketenteraman tempat tersebut. Sumpahan yang menimpa mereka akhirnya membawa pertemuan dengan seorang tokoh agama, Ustaz Kazim yang turut mengalami gangguan aneh berpunca daripada amalan sihir.

Konflik utama filem ini ialah serangan sihir terhadap Ustaz Kazim, yang mencetuskan pelbagai gangguan halus dan fizikal sehingga menjejaskan kesihatannya. Sementara itu, keempat-empat orang sahabat tersebut berusaha mematahkan sumpahan mereka dengan membantu Ustaz Kazim mencari punca sebenar gangguan. Klimaks cerita memperlihatkan penemuan bukti sihir yang ditanam di kawasan rumah, sekali gus membongkar penglibatan pihak tertentu.

Kesudahan filem menekankan mesej moral bahawa kekuatan iman, doa dan perlindungan Allah SWT mampu mengatasi kuasa jahat. Secara keseluruhannya, *Zim Zim Ala Kazim* bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium dakwah yang menegaskan bahaya amalan sihir serta kepentingan nilai kerohanian dalam kehidupan masyarakat.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kerancuan Jenis Tempelan

Terdapat lapan penggunaan kerancuan yang berbentuk tempelan dalam filem ini yang diperincikan dalam Jadual 1:

JADUAL 1. Kerancuan Jenis Tempelan

| Bil | Dialog | Babak |
|------------|---|--------------|
| 1 | <i>Sekurang-kurangnya setiap langkah kaki ana, tapak kaki ana, ada pahalanya</i> | 5 |
| 2 | <i>Dulu ana tak ada ilmu, takpe lah, sekarang ana ada ilmu ana tahu bezanya</i> | 5 |
| 3 | <i>Jangan sampai ana tak dak adab</i> | 5 |
| 4 | <i>Pasal Kazim dia suka melawan cakap ana</i> | 5 |
| 5 | <i>Okay, bos!</i> | 9 |
| 6 | <i>Ente pun tahu, ana ni kalau lihat sesuatu, ana takkan lihat dari mata kasar ana, ana lihat dari mata batin ana</i> | 32 |
| 7 | <i>Ana ilmu makrifat, ana ilmu syariat</i> | 32 |

Kelapan-lapan petikan dalam dialog Jadual 1 dikategorikan sebagai kerancuan jenis tempelan. Hal ini demikian kerana kerancuan jenis tempelan berlaku apabila penutur menyisipkan satu atau beberapa perkataan daripada bahasa lain ke dalam ayat bahasa Melayu. Fenomena ini sering berlaku tanpa pengubahsuaian bentuk kata asal, seolah-olah perkataan tersebut sebatih dalam wacana harian (Teo Kok Seong, 2006). Ana dan anta merupakan kata ganti nama diri (KGN) pertama dan kedua yang bermaksud saya untuk ana dan awak merujuk kepada seorang lelaki untuk anta (Ibn Manzūr, 1993). KGN jenis ini sering digunakan oleh agamawan ketika bertutur atas beberapa faktor termasuk latar belakang pengajian di negara Arab dan menerapkan KGN berdasarkan penggunaan dalam karya berbahasa Arab. KGN ana dan anta lebih umum digunakan berbanding dengan saya dan awak dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana ana dan anta boleh digunakan kepada orang yang lebih tua atau kanak-kanak. Hal ini berbeza dengan laras bahasa Melayu yang menggunakan saya, beta, aku untuk KGN pertama dan engkau, kau, awak dan sebagainya (Awang Sariyan, 2007). Penggunaan kerancuan jenis tempelan ini tidak hanya mencerminkan identiti agamawan seperti yang digariskan, tetapi juga berfungsi untuk menghidupkan watak dan meningkatkan realisme dialog. Pemilihan perkataan seperti “ana” dan “ente” menjadikan watak Ustaz Kazim lebih autentik dan dikenali oleh penonton, manakala penggunaan “Okay, bos!” menunjukkan hubungan yang santai antara watak. Dalam konteks ini, “ana” dan “ente” dilihat lebih fleksibel dan boleh digunakan dalam pelbagai situasi, sama ada kepada orang yang lebih tua atau rakan sebaya

Kerancuan dalam Ayat

Kajian ini menemukan 12 kerancuan dalam ayat menerusi filem ini yang diperincikan dalam Jadual 2. Kerancuan dalam ayat berlaku apabila penukaran daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain dalam ayat yang sama. Dalam hal ini, penutur menggunakan frasa bahasa Inggeris yang bukan merupakan kata pinjaman dalam bahasa Melayu.

JADUAL 2. Kerancuan dalam Ayat

| Bil | Dialog | Babak |
|-----|---|-------|
| 1 | <i>Masih ada period lagi ke?</i> | 2 |
| 2 | <i>Saya rasa ustaz dah boleh check akaun ustaz, saya dah bankin deposit sikit dah</i> | 4 |
| 3 | <i>Banyak show sekarang ustaz?</i> | 6 |
| 4 | <i>Show apa bendenya, kita bukan artis, ceramah</i> | 6 |
| 5 | <i>Janganlah tengok-tengok tak surprise lah nanti</i> | 6 |
| 6 | <i>Blackout, takyah la seram-seram ni bang</i> | 11 |
| 7 | <i>Takut nu kata kita ni marketing</i> | 16 |
| 8 | <i>Ghostbuster ke ghostreader ke</i> | 18 |
| 9 | <i>Udah-udah jangan flashback tak de bajet</i> | 20 |
| 10 | <i>Flashback rupanya</i> | 20 |
| 11 | <i>Sebelum tu bagi saya scan ustaz dulu</i> | 28 |
| 12 | <i>Nak shooting ka semua boleh buat kat sini</i> | 34 |

Merujuk kepada dialog dalam Jadual 2, beberapa frasa bahasa Inggeris yang dikenal pasti ialah *period*, *account*, *show*, *surprise*, *blackout*, *marketing*, *ghostbuster*, *ghostreader*, *flashback*, *scan* dan *shooting*. Frasa-frasa ini diterjemahkan melalui sari kata dengan frasa dalam bahasa Melayu seperti *sari kata (subtitle)*, *datang bulan (period)*, *semak (check)*, *pertunjukan (show)*, *kejutan (surprise)*, *terpadam (blackout)*, *pemasaran (marketing)*, *pemusnah hantu (ghostbuster)*, *pembaca hantu (ghostreader)*, *imbas kembali (flashback)*, *imbas (scan)* dan *pengembaraan (shooting)* untuk kefahaman penonton. Perkataan seperti *period*, *blackout* dan *flashback* digunakan kerana lebih ringkas dan cekap. Ini adalah fenomena biasa dalam percampuran kod.

Penggunaan perkataan asing yang lebih pendek dan ringkas seperti *period* berbanding 'datang bulan' adalah satu strategi linguistik yang disengajakan oleh penutur untuk mencapai kecekapan komunikasi. Fenomena ini menunjukkan bahawa penutur cenderung untuk memilih perkataan yang paling efektif dalam menyampaikan maksud terutamanya dalam konteks perbualan tidak formal. Asmah Haji Omar (2000) berpendapat bahawa meminjam bahasa dan perkataan asing menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata seharian atas faktor kemudahan dan keperluan komunikasi. Penggunaan *check akaun*, *marketing*, *shooting* dan *scan* dalam dialog adalah relevan. Ini menunjukkan pengaruh laras bahasa dalam konteks khusus. Kerancuan dalam ayat yang melibatkan istilah teknikal dan profesional seperti *check akaun* dan *marketing* mencerminkan pengaruh laras bahasa khusus dalam komunikasi harian. Dalam konteks urusan kewangan atau perniagaan, istilah-istilah ini bukan sahaja lebih lazim, malah dianggap lebih tepat dan efisien berbanding padanan Bahasa Melayu yang mungkin kurang familiar atau lebih panjang. Hal ini tidak menjadi kesalahan kerana watak menggunakan laras yang sesuai dengan topik perbualan mereka. Tambahan pula penggunaan bahasa berubah mengikut konteks, termasuk dalam bidang profesional dan teknikal (Awang Sariyan, 2017).

Penggunaan istilah asing seperti *ghostbuster* dan *ghostreader* dalam pertuturan tempatan mencerminkan kecenderungan penutur untuk meminjam kosa kata daripada bahasa asing apabila tiada padanan yang tepat atau setara dalam budaya dan leksikon tempatan. Istilah seperti *ghostbuster*, misalnya, membawa konotasi budaya popular Barat yang sangat spesifik dan sukar diterjemahkan secara langsung kepada bahasa Melayu tanpa kehilangan maksud asalnya. Oleh yang demikian, peminjaman terus istilah ini dianggap lebih praktikal untuk tujuan komunikasi dan rujukan budaya. Fenomena ini memperlihatkan adanya jurang leksikal dalam bahasa Melayu, khususnya dalam menghadapi arus globalisasi dan pengaruh media asing, yang turut menyumbang kepada berlakunya percampuran kod dalam kalangan

penutur (Teo Kok Seong, 2009). Kerancuan bukan sekadar untuk kecekapan tetapi untuk menyampaikan niat atau perasaan tertentu yang mungkin tidak dapat diungkapkan dengan cara yang sama dalam Bahasa Melayu. Kanthimathi (2007) berpendapat bahawa percampuran kod mempunyai beberapa tujuan. Pertama, fungsi sikap, iaitu berkaitan pandangan penutur terhadap prestij, tahap pendidikan dan gaya hidup. Kedua, fungsi klasifikasi laras bahasa untuk membezakan bidang tertentu seperti teknologi, pendidikan dan sains. Ketiga, fungsi ekspresif bagi menyatakan perasaan dan emosi. Keempat, fungsi arahan untuk menarik perhatian serta menunjukkan taraf penutur. Kelima, fungsi pengulangan untuk menjelaskan makna istilah atau memperkukuh penerangan. Keenam, fungsi sosialisasi yang menghubungkan individu dengan orang lain. Ketujuh, fungsi rujukan yang meringkaskan huraian. Kelapan, fungsi instrumental untuk meningkatkan kecekapan berbahasa. Kesembilan, fungsi pendedahan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, dalam interaksi masyarakat. Perkataan seperti *surprise* digunakan untuk menyampaikan emosi atau nada yang lebih kuat dan spesifik berbanding padanan Bahasa Melayu dan menjadikannya lebih berkesan dalam konteks dialog yang santai. Penggunaan frasa *Okay, bos!* pula bukan sekadar pinjaman bahasa malah berfungsi untuk menandakan satu hubungan sosial yang spesifik seperti gabungan antara penghormatan (*bos*) dan keakraban (*okay*) yang mungkin lebih sukar untuk dicapai dengan frasa Bahasa Melayu yang lebih formal.

Perkataan-perkataan Inggeris ini menjadi begitu lumrah sehingga digunakan secara tidak sedar. Peningkatan kerancuan dalam ayat adalah hasil daripada pendedahan yang meluas kepada media massa, media sosial dan sistem pendidikan yang menggunakan Bahasa Inggeris. Istilah-istilah seperti *marketing*, *flashback* dan *shooting* telah menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata aktif masyarakat Malaysia kerana sering digunakan dalam filem, internet dan perbualan profesional. Oleh yang demikian, penggunaan perkataan ini dalam dialog filem mencerminkan realiti sosial linguistik semasa. Bentuk kerancuan dalam ayat merupakan bentuk yang paling dominan ditemukan dalam dialog filem *Zim Zim Ala Kazim*. Kerancuan kod pada peringkat ayat kerap digunakan dalam kehidupan seharian kerana berfungsi memudahkan komunikasi dalam konteks tertentu. Penggunaan frasa bahasa Inggeris, misalnya, mampu menyampaikan makna dengan lebih jelas. Oleh itu, bentuk ini menjadi penggunaan yang paling kerap muncul dalam dialog filem tersebut. Keadaan ini turut mencerminkan realiti masyarakat yang cenderung meringkaskan ungkapan dalam bahasa Melayu dengan menggantikan frasa tertentu kepada bahasa Inggeris demi kelancaran komunikasi seharian.

a. Kerancuan dalam Perkataan

Penyelidik menemukan beberapa sahaja penggunaan kerancuan bahasa dalam perkataan yang terdapat dalam filem *Zim Zim Ala Kazim*. Bentuk ini melibatkan penggunaan bahasa lain. Contohnya, bahasa Inggeris dalam pembentukan perkataan bahasa Melayu. Berikut adalah kerancuan dalam perkataan yang terdapat dalam filem tersebut.

JADUAL 3. Kerancuan dalam Perkataan

| Bil | Dialog | Babak |
|------------|--------------------------------------|--------------|
| 1 | <i>Apa pulak mission-mission nya</i> | 28 |

Berdasarkan pemerhatian dalam Jadual 3, bentuk kerancuan dalam perkataan yang dapat dilihat apabila Ustaz Kazim bertanya kepada Loga, “Apa pulak mission-mission-nya”. Dalam dialog ini, penggunaan perkataan *mission-nya* adalah gabungan antara *mission* dengan

imbuan bahasa Melayu “-nya”. Ustaz Kazim menggunakan frasa bahasa Inggeris *mission* (misi) kerana Loga berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Penggabungan *mission* dengan “-nya” menghasilkan satu perkataan baharu yang tidak sepenuhnya berasal daripada satu bahasa sahaja.

Fenomena Kerancuan Bahasa Dalam Filem *Zim Zim Ala Kazim*

a. *Percampuran Kod*

Hasil daripada kajian, terdapat 15 ayat penggunaan percampuran kod yang terdapat dalam filem *Zim Zim Ala Kazim*. Fenomena kerancuan bahasa ini melibatkan penggunaan dua atau lebih bahasa atau loghat dalam satu ayat serta perbualan tanpa keperluan yang jelas. Berikut merupakan kerancuan bahasa percampuran kod yang terdapat dalam filem tersebut.

JADUAL 4. Percampuran Kod

| Bil | Dialog | Babak |
|-----|---|-------|
| 1 | <i>Jangan risau, ada subtitle.</i> | 1 |
| 2 | <i>What's up guys, hai. dalam live ni ada la dalam lima orang. Okay jangan lupa like and share eh</i> | 1 |
| 3 | <i>Masih ada period lagi ke?</i> | 2 |
| 4 | <i>Saya rasa ustaz dah boleh check akaun ustaz</i> | 4 |
| 5 | <i>Saya dah bank in deposit sikit dah</i> | 4 |
| 6 | <i>Banyak show sekarang ustaz</i> | 4 |
| 7 | <i>Show apa bendenye, kita bukan artis, ceramah</i> | 7 |
| 8 | <i>Janganlah tengok-tengok tak surprise lah nanti</i> | 7 |
| 9 | <i>Blackout, takyah la seram seram ni bang</i> | 11 |
| 10 | <i>Takut nu kata kita ni marketing</i> | 16 |
| 11 | <i>Ghostbuster ke ghostreader ke</i> | 18 |
| 12 | <i>Udah-udah jangan flashback tak de bajet</i> | 20 |
| 13 | <i>Apa pulak mission-mission nya</i> | 28 |
| 14 | <i>Sebelum tu bagi saya scan ustaz dulu</i> | 28 |
| 15 | <i>Nak shooting ka semua boleh buat kat sini</i> | 36 |

Berdasarkan Jadual 4, sebanyak 15 dialog digunakan dalam filem *Zim Zim Ala kazim* yang menggunakan percampuran kod dalam komunikasi. Kebanyakan percampuran kod ini berlaku dalam bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Dialog yang pertama dengan pertanyaan “Masih ada period lagi ke?” Perkataan “*period*” sering digunakan kerana *datang bulan* dalam bahasa Melayu agak panjang.

Perkataan ini bukan sahaja diguna oleh remaja akan tetapi juga pada golongan dewasa. Selain itu, “saya rasa ustaz dan boleh check akaun ustaz” perkataan ‘*periksa akaun*’ dalam bahasa Melayu dituturkan secara spontan dalam bahasa Inggeris kerana perkataan itu sudah menjadi kebiasaan dalam pertuturan, memandangkan pelakon bertutur secara spontan dalam berkomunikasi. Menurut Hasan Baseri (2023), penggunaan bahasa Melayu yang tinggal di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh tidak menunjukkan minat yang tinggi terhadap bahasa Melayu. Jelas dilihat dalam filem ini, penggunaan percampuran kod juga berlaku dalam kawasan luar bandar. Masyarakat kini lebih mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris kerana mahu dipandang sebagai Melayu yang “terpelajar”.

b. *Slanga*

Terdapat beberapa kali sahaja penggunaan slanga dalam filem *Zim Zim Ala Kazim*. Fenomena

ini juga dikenali sebagai bahasa pasar, slang atau ungkapan informal yang tidak sesuai dalam konteks formal yang mengaburkan maksud asal. Berikut merupakan fenomena penggunaan slanga yang terdapat dalam filem tersebut.

JADUAL 5. Slanga

| Bil | Dialog | Babak |
|-----|--|-------|
| 1 | <i>Tahniah Pak Su, masyuk</i> | 4 |
| 2 | <i>Masyuk yang mahei tu</i> | 4 |
| 3 | <i>Aiya... rusak</i> | 6 |
| 4 | <i>Lantaklah netizen ni Pak Su, Pak Su cerito le</i> | 16 |
| 5 | <i>Maafkan teman chot</i> | 19 |
| 6 | <i>Pending mike kuat chot</i> | 19 |

Berdasarkan Jadual 5, penggunaan elemen ini sering digunakan dalam bahasa yang tidak formal. Dialog Muharram, “Tahniah Pak Su...Masyuk”. Perkataan “*masyuk*” yang diujarkan itu membawa maksud pendapatan yang lumayan. Penggunaan bahasa ini digunakan oleh golongan remaja dan sudah menjadi gaya bahasa apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka. Walau bagaimanapun, menerusi filem ini, Muharram berkomunikasi dengan Ustaz Kazim menggunakan bahasa slanga. Hal ini jelas menunjukkan keakraban antara mereka.

Dialog seterusnya adalah “Aiyaa...rusak”. Perkataan “*aiyaa*” merupakan bahasa slanga yang digunakan dalam perbualan santai untuk menyampaikan emosi seperti rasa kecewa, tidak puas hati atau keluhan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, *aiya* membawa maksud untuk menyatakan rasa tidak setuju dalam interaksi harian dalam kalangan penutur Cina dan juga masyarakat Malaysia yang bergaul dengan etnik Cina.

Dalam Jadual 5, Muharram menuturkan dialog, “Lantaklah netizen ni, Pak Su, Pak Su cerite le”. Berdasarkan sarikata yang diberikan pada filem, *lantaklah* membawa maksud *biarkan saja* atau *abaikan*. Jika melihat kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, *lantak* membawa maksud pukul (supaya masuk atau padat). Ini berbeza dengan maksud yang ingin disampaikan oleh Muharram kepada Pak Sunya.

Penggunaan dialek sangat penting untuk memudahkan komunikasi antara penduduk setempat, mewujudkan kemesraan, mengenal pasti identiti penuturnya dan meningkatkan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat (Nuradlin Syafini & Zaleha Embong, 2020; Mohammad Shahrul & Muhammad Zaid Daud, 2018). Sehubungan itu, penggunaan bahasa slanga dalam dialog seperti “*pending mike kuat, chot*” juga berperanan sebagai penanda jati diri dan kekitaan sesuatu kelompok. Penambahan *chot* di hujung ayat merupakan unsur penyedap yang tidak membawa makna khusus, namun telah diterima dalam kalangan penutur sebagai bentuk kelaziman lisan yang tidak dianggap sebagai kesalahan. Menurut Hasan Baseri (2023), sikap tidak menegur bentuk sedemikian berpunca daripada kebiasaan sebutan serta tanggapan bahawa bunyi tersebut tidak menjejaskan kefahaman pendengar. Namun demikian, meskipun bentuk bahasa ini berfungsi dalam konteks sosial setempat, penggunaannya turut menimbulkan kekangan komunikasi apabila difahami secara terhad oleh masyarakat luar.

KESIMPULAN

Kajian ini menyorot fenomena kerancuan bahasa dalam filem *Zim Zim Ala Kazim* sebagai cerminan realiti penggunaan bahasa dalam masyarakat Malaysia kontemporari. Antara kekuatan artikel ini ialah keupayaannya menampilkan analisis terperinci terhadap bentuk-bentuk kerancuan seperti percampuran kod, penggunaan slanga dan pencampuran loghat. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa kerancuan bahasa bukan sekadar isu linguistik semata-mata,

malah mencerminkan kepelbagaian budaya popular serta perubahan identiti masyarakat. Sumbangan utama artikel ini terletak pada penekanan terhadap kepentingan memelihara keaslian bahasa Melayu standard dalam media massa tanpa menafikan ruang untuk kreativiti penceritaan, di samping menghubungkan aspek linguistik dengan peranan pendidikan dan pembentukan identiti.

Namun begitu, terdapat beberapa kekangan yang perlu diberi perhatian. Pertama, analisis hanya memfokuskan kepada sebuah filem tunggal, iaitu *Zim Zim Ala Kazim*, sekali gus mengehadkan keberkesanan generalisasi dapatan kepada filem-filem Melayu lain. Kedua, pendekatan yang diambil lebih bersifat deskriptif daripada analitis kerana belum menelusuri secara mendalam kesan kerancuan bahasa terhadap tahap pemahaman penonton. Ketiga, pendekatan kualitatif mengehadkan ruang untuk triangulasi data kerana gabungan dengan pendekatan kuantitatif berpotensi menghasilkan dapatan yang lebih mantap.

Bagi penyelidikan akan datang, beberapa cadangan wajar diketengahkan. Pertama, kajian boleh diperluas kepada filem daripada pelbagai genre dan loghat negeri yang berbeza untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh tentang pola kerancuan bahasa. Kedua, penggunaan pendekatan bercampur yang menghimpunkan analisis linguistik dan penyelidikan lapangan melibatkan khalayak penonton dapat membantu menilai kesan kerancuan terhadap sikap, tahap kefahaman dan amalan bahasa harian masyarakat. Ketiga, kajian perbandingan antara filem Malaysia dan filem dari negara serantau seperti Indonesia dan Brunei mampu membuka ruang pemahaman yang lebih luas dalam konteks serantau berkaitan isu kerancuan bahasa.

Secara keseluruhan, artikel ini menegaskan bahawa kerancuan bahasa dalam filem Melayu perlu ditangani melalui pendekatan yang seimbang antara keperluan estetika naratif dan tanggungjawab terhadap bahasa kebangsaan. Filem bukan sekadar wadah hiburan, malah turut memainkan peranan sebagai alat pendidikan dan pemupukan identiti bahasa. Dengan peluasan skop dan pendekatan penyelidikan yang lebih mendalam pada masa hadapan, usaha mempertahankan martabat bahasa Melayu standard dapat dilaksanakan secara berkesan tanpa menghalang perkembangan kreatif dalam industri perfileman negara.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi, & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rashid Daing Melebek, & Amat Juhari Moain. (2010). *Sosiolinguistik dan bahasa Melayu*. UKM Press.
- Abu Hassan Hasbullah. (2006, December 2–3). Filem sebagai ar-risalah: Menemukan keimanan dan kebijakan dramaturgi wayang gambar Melayu. *Seminar Penulisan Dramatik 2006*.
- Anne Jeffrey Kihob, & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Kerancuan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di daerah Tuaran, Sabah. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 97–111. <https://doi.org/10.51200/manu.v31i2.2633>
- Asmah Haji Omar. (1976). Za'ba dalam linguistik: Satu tinjauan mengenai aspek-aspek bahasa yang diutarakannya. In Zainal Abidin (Ed.), *Bahasa kesusasteraan dan kebudayaan Melayu* (pp. xx–xx). Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Asmah Haji Omar. (1982). *Language and society in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur galur bahasa Melayu: Satu analisis sosiolinguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Collins, J. T. (1997). Loghat Melayu dan bahasa baku: Menghadapi zaman global. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(1), 14–26.
- Crystal, D. (2010). *English as a global language* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Faridah Nazir, Norazian Jaafar, Nur Aina Farhana Abd Halim, Nur 'Alyaa Zulkifli, & Nur Farhana Yasmin. (2022). Kerancuan bahasa dalam filem *KL Gangster*: Suatu analisis linguistik berdasarkan tahap 4 kemahiran bertutur kerangka standard bahasa Melayu (KSBM). *International Research Journal of Education and Sciences*, 1–6.
- Fishman, J. A., Ferguson, C. A., & Das Gupta, J. (Eds.). (1986). *Language problems of developing nations*. Wiley.
- Hamers, J. F., & Blanc, M. H. A. (2000). *Bilinguality and bilingualism* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Hassan Baseri. (2023). *Bahasa kita dan bahasa orang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Universiti Putra Malaysia.
- Hoh Sook Kuan. (2011). *Sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina di Malaysia* (Master's dissertation, Universiti Malaya).
- Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics* (3rd ed.). Pearson Longman.
- Julaina Nopiah, & Nur Athirah Abd. Razak. (2025). Analisis kecenderungan penggunaan percampuran kod bahasa Inggeris dalam video masakan di TikTok. *LSP International Journal*, 12(1), 71–90.
- Kamus Dewan edisi keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanthimathi, K. (2007, June 14–16). Mixing mother tongue and English: Exploring the reasons and functions of code mixing. *The Second Biennial International Conference on Teaching and Learning of English in Asia (TELIA 2)*.
- Krippendorff, K. (2019). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Liebes, J. L., Robert, M., & Curan, M. R. (1998). *The early window: Effects of television on children and youth*. State University of New York Press.
- Mahmor, N. A., Ahmad, N., & Faizah. (2016). "Hahaha... cool gila kau punya acting Ariana..." Percampuran kod dalam novel *The Wedding Breaker*. *Journal of Education and Social Sciences*, 4(2), 192–200. <http://jesoc.com/issue/volume-4-june-2016-issue-2/>
- Marican, S. (2005). *Research methods in social sciences*. Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Mastura Muhammad. (2020). Sinema nasional Malaysia: Pasang surut budaya dalam tiga era. *Jurnal Komunikasi*, 36(3), 228–246. <https://ejournal.ukm.my/mjc/issue/view/1322>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Midiyana Mohamad, Nor Azita Che Din, Farah Hanini Abd Rahman, & Siti Aishah Mohamad Tahir. (2019). Ragam bahasa dalam unsur dakwah: Kajian berdasarkan filem *Munafik* dan *Khurafat*. *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara 2019*. <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/Sutera%202019/71-90.pdf>
- Mohaideen, A. R. (2016). *Pembangunan modal insan dan motivasi kerja dalam industri perfileman di Malaysia: Satu kajian ke atas industri filem cereka* (Doctoral thesis, Universiti Utara Malaysia).
- Mohd Khaidir Abd. Wahab, Ilangko Subramaniam, Ku Boon Dar, & Lee Pin Ling. (2025). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 8(1), 24–

38. <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/249>
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar, & Nor Audra Dayana Dahlan. (2018). Percampuran kod bahasa di dalam filem: Satu kajian kualitatif terhadap filem *J Revolusi* (2017). *e-Academia Journal*, 7(2), 107–121.
- Muhammad Alee Song, Nur Atiqah Wakanan, & Nor Nadira Mohd Nordin. (2023). Analisis percampuran kod bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 24, 53–71.
- Naim Haji Ahmad. (1995). *Filem sebagai alat dan bahan kajian*. Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu: Slanga dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad, & Nasariah Mansor. (2014). Kerancuan bahasa: Cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. *Prosiding Seminar Ketahanan Nasional 2014: Diversity in Creating Unity*. <http://ipdm.uum.edu.my/>
- Nuradlin Syafini Nawi, & Zaleha Embong. (2020). Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri pelajar sekolah menengah kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 26–40. <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/77>
- Nurul Aishah Mohd Radzi, Normaliza Abd Rahim, & Nor Azuwan Yaakob. (2018). Wacana tekstual dalam iklan selebriti. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 198–213. <http://ejournal.ukm.my/mjc/issue/view/1129>
- Romaine, S. (1994). *Language in society: An introduction to sociolinguistics*. Oxford University Press.
- Rosliah Kiting, & Shira Eariy Janedeh. (2023). Pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Melayu standard pelajar Bumiputera di UPSI. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(2), 1–15. <https://ejbl.uis.edu.my/index.php/e-jbl/article/view/147>
- Rosmawati Mohamad Rasit, & Md Rozalafri Johori. (2009). Cabaran penerapan dakwah di dalam filem Melayu di Malaysia: Analisis kandungan filem *Semerah Padi*. *Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam 2009*, 1–15.
- Sazirah Amran. (2021, March 16). Dewan pustaka: Hiburan atau cerminan bahasa? <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/03/16/81/>
- Suhaina Hj. Mat Ludin. (2006, August 7–8). Keberkesanan dakwah melalui hiburan seni muzik dan lakun: Suatu tinjauan perspektif psikologi. *Prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian Islam 2006*.
- Teo Kok Seong. (1996). Penukaran kod dan bahasa: Satu fenomena kedwibahasaan. *Pelita Bahasa*, 8(3), 41–43.
- Teo Kok Seong. (1999). Bahasa Melayu dan komunikasi dalam dunia globalisasi: Persoalan keupayaan bahasa Melayu, keutuhan jati diri bangsa Melayu dan ketakatan budaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 9(1), 100–117.
- Teo Kok Seong. (2006). Kerancuan dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 6(4), 697–712.
- Teo Kok Seong. (2014). Bicara bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. In Norein Mansor & Noor Rohana Mansor (Eds.), *Dialog bahasa Melayu: Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi* (pp. 37–42). Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Teo Kok Seong. (2017). Konsep ideologi bahasa kebangsaan. In Nik Safiah Karim (Ed.), *Perancangan bahasa: Ideologi bahasa kebangsaan* (pp. 19–35). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Woon, Y. H. (2007). Code-mixing: Linguistic form and socio-cultural meaning. *The*

International Journal of Language Society and Culture, 21.

Yusof, R. (2003). *Penyelidikan sains sosial (Social science research)*. PTS Publications & Distributors.

Zainal Abidin bin Ahmad. (2000). *Pelita bahasa Melayu* (Edisi ejaan baharu). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin bin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang Melayu* (Edisi ejaan baharu). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkefli Aini, & S. Salahudin Suyurno. (2014, April 9–10). Hubungan antara pendakwah dengan mad'u dalam komunikasi insan. *Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Mengenai Penulis

Khazri Osman ialah pensyarah di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Muhamad Faisal Ashaari ialah pensyarah di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Wakidul Kohar ialah pensyarah dalam Program Studi Komunikasi dan Penyiaran Islam, Universitas Islam Negeri (UIN) Imam Bonjol, Indonesia.

Rabiatul Farzanah Zabidi ialah pelajar pascasiswazah dalam Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Nur Aqilah Mohd Akhir ialah graduan program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dalili Mohamad Sabri ialah pelajar pascasiswazah dalam Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).